

UCAPAN

Y.B. DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR

MENTERI KERJA RAYA

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA

PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA 2009

14 SEPTEMBER 2009

10.00 PAGI

KAWASAN REHAT DAN RAWAT DENGKIL (ARAH UTARA)

LEBUHRAYA UTARA SELATAN HUBUNGAN TENGAH

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t yang telah mengurniakan segala rahmatnya hingga kita semua dapat berkumpul pada pagi ini untuk melancarkan Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kementerian Kerja Raya Malaysia tahun 2009.
2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk melahirkan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat terutamanya Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Polis Di Raja Malaysia serta semua syarikat konsesi dalam usaha untuk menjayakan program Kempen Keselamatan Jalan Raya ini.
3. Kemalangan adalah satu tragedi yang amat menyedihkan. Kita tidak ingin suasana meriah musim perayaan ini dikejutkan dengan

suasana dukacita dan pilu. Berdasarkan statistik tahun 2008 Ops Sikap Polis Di Raja Malaysia, sepanjang 15 hari pada musim perayaan Aidilfitri yang lepas, sejumlah 15,996 kemalangan dicatatkan di jalan raya dan lebuh raya seluruh negara. Kemalangan ini telah mengakibatkan 186 nyawa terkorban dengan kadar purata 15 kematian setiap hari. Statistik ini amat membimbangkan kerana di saat kita sepatutnya bergembira bersama keluarga tersayang, terdapat pula sebilangan daripada kita meratap pilu kehilangan samada keluarga, sahabat handai mahu pun kenalan akibat daripada kecelakaan jalan raya.

4. Baru-baru ini, iaitu pada 8 September lalu, saya telah melancarkan inisiatif “*Malaysians Unite For Road Safety 09 09 09*” atau MUFORS iaitu satu inisiatif keselamatan yang menggunakan pendekatan yang unik untuk membantu meningkatkan tahap keselamatan di jalan raya. Selain daripada program keselamatan jalan raya yang dilaksanakan oleh Kerajaan, program MUFORS ini telah membolehkan setiap individu untuk turut bersama-sama mengambil tanggungjawab dan menghadapi cabaran dalam membantu meningkatkan tahap keselamatan jalan raya. Melalui ikrar dan komitmen yang dilafazkan oleh para pengguna jalan raya, diharapkan ia dapat membawa satu perubahan yang dramatik ke arah perjalanan yang selamat dan pada hari ini, kita mengambil satu lagi langkah ke arah membudayakan keselamatan jalan raya menerusi Kempen C.A.R.E.

5. Rakyat Malaysia memang terkenal dengan budi bahasa dan sikap timbangrasanya. Justeru, budi bahasa dan sikap bertimbangrasa ini seharusnya diterjemahkan ketika mereka memandu di jalan raya. Walau bagaimanapun, sepanjang dekad yang lalu, jalan raya di negara kita telah meragut lebih daripada 65,000 nyawa atau secara puratanya, 18 kematian setiap hari. Angka ini ternyata amat membimbangkan. Kempen Ops Sikap dua tahun yang lepas menunjukkan peningkatan dalam jumlah kemalangan jalan raya dan lebuh raya. Peningkatan ini begitu membimbangkan kita semua.

6. Untuk itu, saya selaku Menteri Kerja Raya telah meletakan kawasan yang kerap berlaku kemalangan atau *Black Spot* sebagai salah satu Key Performance Indicator (KPI) saya. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam pembinaan infrastuktur negara terutamanya jalan dan jambatan, saya menyahut cabaran dan beriltizam untuk bersama-sama dengan agensi lain seperti Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan agensi-agensi lain untuk saling membantu menjayakan kempen keselamatan jalan raya ini. Inilah semangat Satu Malaysia yang ingin di bawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, bukan sahaja dari segi perbezaan kaum, malah perbezaan tugas dan kerja juga perlu disatukan untuk memberi manfaat kepada rakyat.

7. Justeru, saya yakin semua di antara kita yang hadir pada pagi ini semestinya tidak mahu melihat angka kemalangan dan kematian meningkat untuk musim perayaan Aidilfitri pada tahun ini. Untuk itu, langkah yang proaktif perlu diambil. Salah satu daripadanya, adalah pengisian untuk mengubah sikap pemanduan ke arah yang lebih

selamat dan bertanggungjawab. Kempen ini juga bertujuan untuk menerapkan nilai sebagai ‘gaya hidup’ dan menzahirkannya sebagai keperibadian rakyat Malaysia. Pada dasarnya kempen ini bertemakan konsep C.A.R.E., iaitu yang menerapkan nilai-nilai murni. C untuk Cermat, A untuk Adab Sopan, R untuk Berfikiran Rasional dan E untuk Etika.

8. Usaha menerapkan nilai-nilai murni C.A.R.E ini adalah sebahagian daripada inisiatif Kementerian Kerja Raya. Ia melibatkan usaha yang berterusan untuk menanam Budaya Cermat, Beradab Sopan, Berfikiran Rasional dan Beretika di kalangan pengguna jalan raya di negara ini.
9. Pada kesempatan ini juga, saya ingin menyeru kepada semua syarikat konsesi agar terus memastikan penyenggaraan serta pengurusan aset lebuhraya dijalankan dengan baik dan mematuhi prosedur. Penyenggaraan yang sempurna akan menyumbang kepada peningkatan tahap keselamatan pengguna jalan raya. Di samping itu juga, bagi memastikan aliran trafik lancar pada musim perayaan ini, saya juga telah mengarahkan agar semua kerja-kerja pembinaan di jalan raya dan lebuh raya dihentikan sementara.
10. Lembaga Lebuhraya Malaysia juga telah mengarahkan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya untuk mengambil langkah-langkah berikut;

- menempatkan *emergency response team* di lokasi-lokasi strategik di lebuh raya bagi menghadapi sebarang kemungkinan ;
- memastikan operasi di plaza tol berjalan lancar dengan membuka semua lorong;
- menambah bilangan perkhidmatan lori tunda (tow trucks);
- memastikan pasukan ronda membuat rondaan dengan lebih kerap;
- memaparkan situasi trafik di *Variable Message System (VMS)* untuk paparan pengguna;

11. Langkah-langkah ini perlu diambil kerana aliran trafik dijangka meningkat sehingga 1.4 juta sehari di lebuhraya sempena musim balik kampung kelak. Oleh itu saya menyarankan agar pengguna lebuh raya mendapatkan maklumat trafik terkini melalui Pusat Pengurusan Trafik (TMC) Lembaga Lebuhraya Malaysia yang beroperasi 24 jam sehari agar pengguna dapat merancang perjalanan pada musim perayaan ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada syarikat konsesi yang menunjukkan keprihatinan di musim perayaan ini dengan menawarkan diskaun tol sehingga 20 peratus kepada pengguna kenderaan kelas 1 dan juga atas inisiatif mereka memperkenalkan Cadangan Jadual Waktu Perjalanan bagi

memastikan kelancaran trafik di lebuhraya sepanjang perayaan Aidilfitri.

12. Marilah kita terus bekerjasama untuk memastikan jalan raya kita lebih selamat. Jangan biarkan orang yang tersayang ternanti-nanti kepulangan kita. Jadilah pemandu yang sabar dan bijaksana. Kekalkan sikap bertimbangrasa dan bersopan-santun. Amalkan nilai-nilai murni C.A.R.E sepanjang berada di jalan raya, terutamanya semasa musim perayaan ini. Dengan prinsip Cermat, Beradap, Berfikiran Rasional dan Beretika, hasrat kita untuk menjadikan jalan raya bebas dari kemalangan akan menjadi kenyataan. Saya penuh yakin dan percaya bahawa C.A.R.E akan membuka satu lagi dimensi baru dalam usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya dan di Lebuh Raya.

13. Oleh itu saya menyeru kepada semua pihak khususnya para pemandu agar memberi sokongan dan komitmen yang penuh pada C.A.R.E. Ingin saya tegaskan di sini bahawa keberhasilan dan keberkesanan C.A.R.E tidak akan terlaksana jika kita terus mengamalkan sikap tidak acuh kepada kempen-kempen keselamatan yang dijalankan seumpama ini. Saya juga memohon penglibatan dan penyertaan serta sokongan padu semua lapisan masyarakat terutamanya pemimpin masyarakat, ahli politik, pemimpin agama, para pendidik, badan professional, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk sama-sama berusaha memenuhi matlamat kita ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak media yang telah berkerjasama dalam

menjayakan kempen keselamatan jalan raya ini. Kepada DJ-DJ radio, teruslah membantu kami dalam menasihati para pengguna jalanraya dan lebuhraya agar mengutamakan keselamatan. Marilah sama-sama kita meningkatkan kefahaman dan kesedaran para pengguna jalan raya agar sentiasa menjadikan budaya pemanduan berhemah sebagai satu amalan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

14. Akhir kata, dengan lafadz “bismillahirrahmanirrahim”, saya dengan sukacitanya melancarkan Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kementerian Kerja Raya Malaysia tahun 2009.

Terima kasih.